

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI KANAN TUDM

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3140-majlis-pemakaian-pangkat-pegawai-kanan-tudm-37

KUALA LUMPUR, 6 Mac 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat bagi tiga orang pegawai kanan TUDM bertempat di Eagle Nest, Markas Tentera Udara.

Di majlis tersebut menyaksikan YBhg Kol Muhammad Shafiq bin Jahudi TUDM telah dinaikkan pangkat ke Pemangku Brig Jen TUDM dan memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Misi Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao 13.

Manakala, Lt Kol Abdul Razak bin Mat TUDM dinaikkan ke pangkat Kol TUDM dan memegang jawatan sebagai Ketua Penempatan (TS 2) Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao 13.

Seterusnya, Mej Anazim bin A.Rahman TUDM pula dinaikkan ke pangkat Pemangku Lt Kol TUDM dan memegang jawatan sebagai Ketua Cawang Peperangan Elektronik di MTU-Kejuruteraan.

Hadir sama menyaksikan majlis pemakaian pangkat Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM; Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, YBhg Lt Jen Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM serta pegawai-pegawai kanan TUDM.

